

SIRI MENJELAJAH ALKITAB

# BERTUMBUH DALAM DOA DAN PEMURIDAN



**WAWASAN  
PENABUR**

## **Siri Menjelajah Alkitab Bertumbuh Dalam Doa dan Pemuridan**

Penulis : John Balchin, John Benton, Richard Bewes, Rosalind Bradley,  
Julian Charley, Peter Grainger, Erroll Hulse, Gilbert Kirby, Ada Lum,  
Alec Motyer, Stuart Olyott, Roger Salisbury, Derek Tidball, Peter White

Penterjemah : Lilian Jose

Penyunting : Martin H. Maser, Randy Singkee

Reka Letak : Randy Singkee

Kulit buku : Chiang Juat Chin

Buku ini diterbitkan berdasarkan lesen dari Creative 4 International, eksklusif untuk Wawasan Penabur Sdn Bhd.

Edisi Bahasa Inggeris, *Discovering God's Way*, © 2009 oleh Creative 4 International, Bath, England.

Terjemahan Bahasa Malaysia © 2021 oleh Wawasan Penabur Sdn Bhd.

Semua petikan Alkitab, kecuali dinyatakan sebaliknya, diambil dari: Alkitab Versi Borneo © 2016, Borneo Sabda Limited

Cetakan Pertama: Januari 2021

Diterbitkan oleh:

Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

P.O.Box: 8327, Kelana Jaya

46787 Petaling Jaya, Selangor

wawasan.penabur@gmail.com

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Tahukah anda bahawa anda boleh mendapatkan banyak bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia secara percuma online di Sabda Harian (<http://sabdaharian.com/>)? Kunjungilah laman web mereka hari ini!

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

## Daftar Isi

---

1	<b>Bertumbuh Dalam Doa</b>
2	Memohon untuk Orang Lain
4	Mengenal Allah
6	Apa Itu Doa?
8	Doa yang Benar dan yang Salah
10	Doa yang Dibebani
12	Kenapa Kadangkala Doa Saya Tidak Dijawab?
14	Ketika Allah Kelihatan Sangat Jauh
16	Menjadi Benar dengan Allah
18	Apa yang Harus Saya Doakan?
20	Pujian yang Murni
22	Doa yang Bersungguh-sungguh
24	Resipi Khas Allah untuk Doa
26	Bapa yang Bijak dan Penyayang
28	Gambaran-gambaran Doa
30	Jalan Doa Yesus
32	Permintaan Terakhir
34	Doa Dalam Krisis
36	Roh Kudus dan Doa
38	Lebih Daripada yang Kita Minta
40	Doa-doa dari Penjara
42	Keutamaan Allah yang Berkuasa– Doa Di Gereja
44	Doa untuk Orang Kristian Baru
46	Berdoa Dalam Iman
48	‘Tinggal’ Di Dalam Yesus

---

**51 Bertumbuh Dalam Pemuridan**

- 52 Marilah Lihat!
- 54 Yesus Adalah Tuhan
- 56 Kehidupan Dalam Roh
- 58 Pemuridan Radikal
- 60 Dari Murid Menjadi Rasul
- 62 Bertumbuh Sehingga Dewasa
- 64 Pemuridan dan Salib
- 66 Pemuridan di Jalan
- 68 Berita Baik Adalah Untuk Dikongsikan!
- 70 Ketaatan Yesus Sebagai Anak
- 72 Yesus Kristus Tuhan Kita
- 74 Realiti Doa
- 76 Indah atau Radikal?
- 78 Garam, Cahaya dan Hukum
- 80 Terlibat Dalam Dunia Allah
- 82 Kemarahan, Perzinaan dan Perceraian
- 84 Sumpah, Balas Dendam dan Musuh
- 86 Alkitab – Firman Allah untuk Hidup!
- 88 Penyembahan Kristian yang Sejati
- 90 Mengasihi Allah Atau Membenci-Nya
- 92 Majulah, Tentera Kristian!
- 94 Cara Bijak untuk Menolong Orang
- 96 Hanya Dua Jalan
- 98 Teruskan Kerja yang Bagus!

**D**oa adalah salah satu bahagian yang paling penting dalam hidup kita sebagai orang Kristian. Apabila kita berbicara kepada Allah, Sahabat kita, kita menjadi semakin mengenal Dia. Keajaiban doa adalah bahawa Allah mendengarkan kita! Apabila kita berdoa, kita mula menemui seperti apakah Allah. Kita memberi respons kepadanya dengan cara yang benar. Kita akan terlibat dalam apa yang Dia lakukan di dunia. Dan kita boleh mendapatkan semua sumber yang Allah miliki untuk kita. Doa adalah rahsia keberkatan, kedamaian dan kekuatan!



## Memohon untuk Orang Lain

### Teks Bacaan: Kejadian 18

**D**alam kitab pertama di Alkitab kita menemukan orang berdoa, tetapi perkara yang menonjol tentang Abraham adalah dia memohon untuk orang lain, bukan hanya untuk dirinya sendiri.

#### Keperluan orang lain

Inilah yang dimaksudkan dengan “doa syafaat”. Ia memasukkan kata-kata untuk orang lain. Alkitab memberitahu kita bahawa ini bukan sahaja tidak mustahil, tetapi juga adalah tugas kita jika kita benar-benar mengasihi Tuhan dan menyedari kepedulian-Nya terhadap manusia.

#### Memohon sebagai seorang sahabat

Tidak ada gunanya jika anda tidak mempunyai apa-apa pengaruh dengan orang yang anda meminta, tetapi Abraham memilikinya. Rancangan Allah untuk memberkati semua orang mula bekerja dalam kehidupan Abraham, kerana satu hari nanti, di masa hadapan yang begitu jauh, salah satu keturunannya yang tidak lain dan tidak bukan adalah Yesus Kristus (ayat 18-19). Lebih-lebih lagi, apabila kita meletakkan keyakinan kita dalam Kristus dan apa yang Dia lakukan, Allah akan berkenan kepada kita. Ini bermakna kita juga mempunyai pengaruh!



### Memohon untuk yang tidak layak

Jika ada orang yang tidak layak dan berhak diselamatkan, mereka adalah orang Sodom. Cara hidup mereka sangat buruk (ayat 20). Namun Abraham tidak menganggap dirinya benar dan mengabaikan mereka. Dia tanpa perasaan mementingkan diri terus berbicara untuk mereka. Lagipun, kita semua memerlukan kasih kurnia dan belas kasihan Allah.

### Memohon keadilan

Abraham ingin melihat keadilan dilaksanakan, dan dia tahu dia boleh meminta keadilan kerana Allah yang adil tidak akan bercanggah dengan dirinya sendiri (ayat 23-25). Bahkan pada hari ini pengampunan kita adalah didasarkan pada keadilan Allah. Yesus telah membayar hukuman yang setimpal bagi dosa-dosa kita. Kerana itulah Dia dapat menyelamatkan orang berdosa seperti kita tanpa berlaku tidak adil.

### Mencari lebih banyak lagi

Abraham tidak melakukan tawar-menawar dengan Allah; dia hanya mengambil satu langkah iman dalam satu masa. Dalam praktik, kita dapati bahawa doa bertambah besar seiring dengan bertambahnya iman. Apabila kita mula melihat jawapan Allah kepada permintaan-permintaan kita yang lebih kecil, kita akan menekankan lebih banyak lagi.



**A**llah telah memanggil kita untuk menyertainya dalam bekerja di dunia; apakah tindakan yang anda akan lakukan?

## Mengenal Allah

### Teks Bacaan: Keluaran 33

**P**ada awal sejarah mereka, orang Yahudi menghadapi masalah asas dalam doa: bagaimana manusia yang lemah dan berdosa dapat mengenal Allah dengan cukup baik untuk berbicara dengan-Nya?

#### Allah Maha Suci

Allah itu lurus dan murni secara moral. Tidak ada bayang-bayang kelabu dengan Allah. Dia benar, adil, bersih, tulus – segalanya, yang tidak ada pada kita. Kerana itulah pada mulanya Dia menolak untuk pergi bersama orang Israel (ayat 3). Itu adalah untuk kebaikan mereka, bukan kebaikan-Nya. Mereka pasti merasa tidak selesa sekiranya Dia berada bersama mereka. Dan Dia tidak berubah.

#### Allah Maha Besar

Kita menggunakan kalimah *Allah* dengan begitu mudah sehingga kadangkadangkang kita terlupa kebesaran-Nya. Ingatlah, Dia menempatkan dunia pada tempatnya; Dia yang menetapkan bintang-bintang di jalur mereka; Dia menciptakan tenaga yang terkurung dalam zarah atom; Dia menyinari cahaya matahari. Allah itu terlalu besar untuk kita terima, apa lagi untuk bertemu dengan-Nya! Bahkan Musa yang sangat mengenal-Nya juga tidak mampu melihat keagungan-Nya sepenuhnya (lihat ke ayat 20).





## Allah Maha Pemurah


Ini ialah petunjuknya (ayat 19). Allah yang sama ini adalah pengasih dan baik, bahkan terhadap mereka yang tidak layak mendapatkannya. Demikianlah cara Dia memilih orang Israel, dan demikian jugalah bagaimana Dia sanggup merendahkan diri untuk berurusan dengan kita.

Salib memberitahu kita bahawa Allah mengasihi dan mengampuni orang berdosa yang tidak layak yang telah mengikuti jalan mereka sendiri dan melanggar Hukum-Nya. Demikianlah bagaimana kita menjadi cukup dekat dengan-Nya untuk berbicara dengan-Nya.

## Allah Sanggup

Kerana kita dicipta untuk-Nya, maka pengalaman manusia yang terutama adalah untuk melihat-Nya, sesuatu yang kita telah dijanjikan akan berlaku di syurga. Namun bahkan sekarang ada sesuatu di dalam kita yang ingin mengenal-Nya dengan lebih lagi, untuk memahami jalan-Nya, untuk bersemuka dengan-Nya (ayat 18).

Allah memastikan bahawa kita hanya melihat-Nya sebanyak yang kita mampu terima. Itu adalah salah satu alasan mengapa Anak-Nya menjadi manusia dan tinggal di antara kita (Yohanes 1:14). Tetapi setelah melihat segala yang kita mampu, kita mengakui bahawa terlalu banyak yang tidak dapat kita ketahui di bumi ini – misteri Allah yang membuatkan kita kagum dan menyembah.



Fikirkan dan  
Lakukan

**L**uangkan beberapa minit untuk memikirkan tentang belas kasihan dan kasih kurnia Allah, serta menyembah dan bersukacita di dalam Dia.

## Apa Itu Doa? Teks Bacaan: Matius 7:7-11

**D**i seluruh Alkitab, umat Allah – dan Yesus sendiri – digambarkan sebagai orang yang berdoa. Anda mungkin berpendapat bahawa doa adalah satu asas latihan rohani yang harus dipelajari oleh setiap orang yang cuba untuk menjalani kehidupan Kristian. Tetapi kebanyakan daripada kita diajar bahawa kita harus berdoa, tanpa diberikan sebab.

### Mengapa perlu berdoa?

Namun begitu, terdapat beberapa dalil yang menentang berdoa. Kita boleh mengatakan kepada diri kita sendiri:

- “Allah pasti tidak berminat dengan saya dan keperluan-keperluan saya yang kecil; Dia mempunyai perkara-perkara yang jauh lebih penting untuk ditangani.”
- “Allah telah merancangkan semua rancangan-Nya terlebih dahulu, jadi doa saya tidak akan mengubah apa-apa.”
- “Sesungguhnya doa agak bersifat pagan, adakah kita boleh memaksa Allah untuk melakukan apa yang kita inginkan?”
- “Doa tidak melakukan apa-apa yang berkaitan dengan Allah, tetapi ia membuatkan saya berasa lebih baik.”

Tidak diragukan lagi para penulis Alkitab mengetahui semua hujah ini, dan yang lain-lain juga, tetapi itu tidak membuatkan mereka berhenti berdoa. Mengapa? Kerana Allah sendiri telah memberitahu mereka dan mendorong mereka untuk melakukan itu!

### Jalan kita menuju Allah

Alkitab adalah tentang mengenal Allah. Walaupun Dia jauh lebih besar daripada apa pun yang dapat kita bayangkan, Dia telah merendahkan diri – dengan luar biasa – untuk meminta persahabatan kita! Doa adalah salah satu cara persahabatan itu berjalan lancar. Apabila kita berdoa, kita berbicara dengan Allah, secara peribadi, dan kita membuka hari kita serta kehidupan kepada-Nya, mendengarkan apa yang ingin Dia katakan kepada kita.

Sebagai orang Kristian kita dapat datang kepada-Nya dengan bebas dan tanpa rasa takut kerana apa yang Yesus telah lakukan untuk kita (Ibrani

10:19-20), Lebih-lebih lagi, semua janji Allah menjadi tersedia bagi kita melalui Dia (2 Korintus 1:20).


### Rahsia berkat

Hakikatnya adalah bahawa Allah telah berjanji untuk mendengar dan menjawab doa-doa umat-Nya. Berulang kali kita diberitahu – dan Yesus mengingatkan kita – bahawa apa yang Allah ingin lakukan dalam dan bersama kita sebenarnya bergantung pada permintaan kita (Matius 7:7-8; Yakobus 4:2). Doa adalah cara yang Allah berikan untuk membiarkan diri-Nya memasuki kehidupan dan keperluan kita.

Dalam firman-Nya Dia telah memberi kita begitu banyak janji untuk kita terima, dan Dia telah berkomitmen untuk menunaikannya jika kita mengambil serius tentangnya (misalnya, 2 Tawarikh 7:14; Mazmur 50:15; Yeremia 33:3). Doa yang sebenarnya bermula apabila kita mula mempercayai Allah dengan firman-Nya.

### Senjata untuk peperangan

Yesus bukan hanya memanggil kita untuk menikmati berkat-berkat-Nya; Dia juga melibatkan kita dalam peperangan rohani di mana kita memerlukan perisai dan senjata. Doa adalah salah satu daripadanya (Efesus 6:14-20). Kita melihat bagaimana ini bekerja dalam kitab Kisah Para Rasul apabila orang Kristian awal melawan serangan iblis dengan doa (4:23-24; 12:5). Dengan doa kita dapat bekerjasama dengan Tuhan dalam melaksanakan rancangan-rancangan-Nya bagi dunia. Oleh itu doa bukanlah sekadar hiburan yang menyenangkan; ia juga adalah pekerjaan dan peperangan.



Fikirkan dan  
Lakukan

**D**oa adalah cara yang Allah berikan untuk membiarkan diri-Nya masuk ke dalam kehidupan dan keperluan kita.”  
Bagaimanakah anda boleh menjadikan ini lebih nyata dalam kehidupan anda sendiri?



## Doa yang Benar dan yang Salah

### Teks Bacaan: 1 Raja-Raja 18:16-46

Setengah orang mempunyai idea yang aneh mengenai doa yang tidak ada kaitan dengan apa yang Alkitab ajarkan tentangnya. Berikut adalah contoh-contoh yang baik bagi kesalahan umum.

#### Doa pagan

Para nabi Baal sangat bersungguh-sungguh dalam doa mereka. Jarang sekali kita berkata-kata dengan begitu panjang atau begitu banyak keringat, air mata dan jerih payah (ayat 26, 28). Mereka sangat terdesak untuk mendapatkan sebuah jawapan, tetapi mereka tidak pernah mendapatkannya kerana mereka berdoa kepada Allah yang salah dengan cara yang salah.

Seperti yang ditunjukkan oleh Elia, mereka menggambarkan Allah mereka sebagai manusia (ayat 27). Kerana itu mereka menyangka dia akan melakukan apa yang mereka inginkan jika mereka hanya “memulaskan tangannya”. Itu adalah sebuah idea pagan, tetapi terlalu ramai orang yang mempercayainya pada hari ini. Mereka datang kepada Allah apabila mereka menginginkan sesuatu, walaupun mereka tidak tahu atau hanya mengetahui sedikit tentang siapakah Allah itu, dan mereka menuntut permintaan mereka. Lebih-lebih lagi, mereka berasa sakit hati apabila mereka tidak mendapat jawapan, dan menyimpulkan bahawa doa tidak berfungsi, atau Allah tidak wujud.

#### Doa yang benar

Elia mengenal Allah yang kepada-Nya dia berdoa. Sebagai jurucakap-Nya, sepertinya dia cukup mengenali apa yang akan Allah lakukan bahkan sebelum dia meminta, jika tidak dia pastinya akan “menggoda Allah” dengan doa yang sedemikian. Terlebih lagi, bukan hanya reputasinya yang dipertaruhkan – tetapi juga reputasi Allah (ayat 36-37). Kerana itu doanya sederhana, langsung dan penuh kepercayaan – dan Allah menjawabnya dengan cara yang dramatik.

Ini kerana Allah Alkitab adalah Allah yang melakukan sesuatu – bukan hanya nama atau sebuah idea atau satu figura samar-samar yang “berada di atas sana” – tetapi Allah yang hidup dan aktif yang mendengar doa umat-Nya. Tetapi anda harus datang kepada-Nya dengan syarat-syarat-Nya, dan anda harus meminta perkara-perkara yang betul. Perhatikan bahawa doa Elia tidak selesai pada hari itu apabila api turun (ayat 41-44). Api itu sudah cukup baik, tetapi mereka tidak memerlukan api; mereka memerlukan air – dan Allah memberikannya kepada mereka juga!



**B**aca Yakobus 5:17-18. Apakah doa besar yang anda doakan?

## Doa yang Dibeberi

### Teks Bacaan: Nehemia 1

**D**oa bukan hanya untuk mereka yang “berfikiran syurgawi”. Dalam Alkitab, doa dan tindakan berjalan seiring, seperti yang kita lihat dalam cerita Nehemia.

#### **Mengubah keperluan menjadi doa**

Ini memberitahu kita sesuatu tentang sifat Nehemia sehingga dia mampu bertahan dalam segala yang berlaku dalam sebuah perjalanan yang panjang, dan yang dia tidak mungkin ada apa-apa kaitan dengannya. Inilah yang disebut sebagai mempunyai “satu beban” – ketidakbahagiaan dan keprihatinan yang mendalam mengenai pekerjaan Allah atau umat Allah (lihat ayat 4). Allah kadang-kadang membebani manusia pada hari ini, sama ada mengenai keperluan negeri mereka sendiri atau mengenai beberapa situasi misionaris yang jauh.

Kita belajar lebih banyak mengenai Nehemia dalam hal di mana dia mengubah keperluan ini menjadi doa. Tetapi itu logik. Jika kita adalah umat Allah, maka Allah mengambil berat tentang kita. Keperluan kita adalah keperluan-Nya, dan kita boleh membawa hal itu kepada-Nya.

#### **Doa sebagai tugas**

Tidak ada kecuaiian mengenai doa Nehemia. Dia hampir menggunakan sebuah strategi. Dia bermula dengan memikirkan seperti apakah sifat Allah (ayat 5), dan meneruskan dengan mengakui dosa-dosanya (ayat 6-7). Dia kemudian mengingatkan Allah tentang janji-janji-Nya (ayat 8-9) dan dia menyimpulkan dengan merayu bagaimana Allah telah menyelamatkan mereka pada masa lalu. Ini disengajakan. Ia melibatkan usaha, disiplin dan pandangan jauh. Allah telah berjanji untuk menjawab doa: orang seperti Nehemia berusaha membuktikan janji itu. Bagaimana pula dengan kita?

#### **Doa mengikut gerak hati**

Walaupun Nehemia dengan sengaja meluangkan masa untuk berdoa, kita juga tahu bahawa dia berdoa kepada Allah apabila keperluan itu muncul (lihat 2:4; 4:4; 6:9). Dia tahu bahawa Allah sentiasa mendengar, walaupun dalam keadaan yang sangat biasa. Tetapi ini juga memberitahu kita sesuatu



tentang sikap hatinya. Nehemia adalah jenis orang yang sangat percaya kepada Allah sehingga ia sangat wajar – bahkan ia menjadi satu kebiasaan – untuk berpaling kepada Allah apabila kita dalam keadaan memerlukan. Kerana seperti yang kita lihat, doa bukan sekadar sebuah usaha yang sekali sekala ke hadirat Allah; ia adalah satu cara hidup.



**O**rang atau situasi tertentu apakah yang Allah berikan kepada anda sebagai suatu beban? Janganlah berasa tawar hati dan putus asa untuk terus berdoa untuknya.

## Kenapa Kadangkala Doa Saya Tidak Dijawab?

Teks Bacaan: Yesaya 55

**A**llah tidak memberikan kita semua yang kita minta, tetapi jika kita berhenti dan berfikir mengapa Dia tidak melakukannya, kita dapat mempelajari sesuatu tentang bagaimana doa bekerja.

### Dosa dalam hidup kita

Terdapat satu peraturan asas dalam doa: jika ada perkara dalam hati dan hidup saya yang dibenci oleh Allah, maka saya tidak boleh mengharapkan Dia untuk mendengar atau menjawab doa-doa saya (Mazmur 66:18; Yesaya 59:1-2). Oleh itu perkara pertama yang kita harus lakukan adalah untuk memperbetulkannya dengan mengakui kesalahan kita dan meminta pengampunan (1 Yohanes 1:9).

### Salah terhadap orang lain

Anda tidak boleh benar di hadapan Allah jika anda bersalah terhadap orang lain (Matius 5:23-24). Dan itu bukan sekadar meminta ampun kepada Allah bahawa semuanya akan seperti sebelumnya. Kita harus memperbetulkannya. Itu mungkin sesuatu yang mahal kerana ia mencalarkan harga diri kita apabila kita harus meminta maaf, tetapi kita mesti mengambil langkah pertama.

### Permintaan yang mementingkan diri sendiri

Terdapat perbezaan yang nyata antara apa yang kita perlukan dan apa yang kita mahukan, dan kadang-kadang kita tidak dapat melihatnya. Kadangkala permintaan kita benar-benar mementingkan diri sendiri – dan jawapan Allah adalah “Tidak!” (Yakobus 4:2-3). Allah bukanlah seorang ayah yang memanjakan anak-anak-Nya dengan memberikan semua yang mereka inginkan. Dia tahu apa yang terbaik untuk kita. Oleh itu kita perlu berhenti sejenak dan bertanya kepada diri kita sendiri mengapa kita berdoa untuk ini atau itu.

### Jawapan berhasil

Kadang-kadang kita sudah mengetahui apa yang kita fikir akan menjadi jawapan Allah – tetapi Dia berfikir dengan cara yang berbeza (2 Korintus 12:7-10). Ada masanya kita tidak menyedari apa sebenarnya yang kita minta –



jika Allah memberikannya kepada kita, ia mungkin lebih daripada yang kita jangkakan.

### **Pendekatan yang salah**


Ada orang yang doanya tidak dijawab kerana mereka datang dengan cara yang benar-benar salah. Mereka menerobos datang kepada Allah dan memberitahu-Nya apa yang Dia harus lakukan untuk mereka – dan kemudian mereka berasa sakit hati apabila Dia tidak melakukannya (Yesaya 45:11). Ingatlah bahawa kita didengar bukan kerana siapa kita, tetapi kerana belas kasihan dan kasih kurnia Allah kepada kita.

### **Kekurangan iman**

Salah satu sebab mengapa kita tidak mendapat jawapan adalah kerana kita mungkin datang kepada Allah dengan meragui bahawa Dia benar-benar dapat melakukan apa sahaja tentang keperluan kita. Yesus sering menuntut iman apabila Dia melakukan mukjizat (Matius 13:53-58), dan Dia mengajarkan bahawa iman itu penting untuk doa yang dijawab (Matius 21:22). Salah satu masalah tambahan kita adalah budaya kita yang meragui realiti dan kuasa Allah, dan kita harus melupakan hal ini jika kita ingin membuktikan Allah dalam doa.

### **Berputus asa**

Seperti yang kita lihat, Yesus memberitahu para sahabat-Nya dalam lebih daripada satu kesempatan untuk tidak berputus asa tetapi terus berdoa sehingga mereka mendapat jawapan (Lukas 18:1). Mungkin ada beberapa sebab mengapa Allah menengguhkan jawapan-Nya, tetapi Dia mengetahui yang terbaik dan kadang-kadang, dalam kehendak-Nya yang sempurna dan penuh kasih, jawapan-Nya adalah “Tunggu”. Selalunya hanya apabila kita terus berdoa barulah kita melihat tujuan Allah yang lebih besar untuk kita atau sahabat kita.



**Fikirkan dan  
Lakukan**

**L**ihat kembali pada sebab-sebab yang diberikan di sini tentang mengapa Allah mungkin tidak menjawab doa-doa anda. Adakah anda telah menyerah untuk berdoa? Katakanlah kepada-Nya dengan jujur tentang pemikiran dan perasaan anda.

## Ketika Allah Kelihatan Sangat Jauh

### Teks Bacaan: Mazmur 42 & 43

**A**da kalanya kita merasa tidak ingin berdoa, ketika Allah kelihatan seperti telah meninggalkan kita. Tetapi itulah saat-saat ketika kita perlu bertahan seperti yang dilakukan oleh pemazmur.

#### Kemurungan

Jika anda pernah berasa benar-benar tertekan, mazmur-mazmur ini akan berbicara kepada anda. Orang malang ini percaya kepada Allah, dan Allah sepertinya telah mengecewakannya. Segalanya menjadi sangat buruk. Orang yang jahat mencerca imannya (42:3,10). Dia berada jauh dari Bait Suci yang dia biasa menyembah Allah dengan sukacita – kenangan mengenainya membuatnya menjadi semakin tertekan (42:4)! Yang lebih buruk lagi, perasaannya sendiri berada di tahap paling bawah. Dia tidak dapat memahami mengapa dia merasakan seperti itu (42:5,11).

Mungkin ada pelbagai alasan untuk ini – sebahagian besar kemurungan tidak bersifat rohani sama sekali tetapi berkaitan dengan kesihatan kita – tetapi kita semua tahu sesuatu tentang itu, apa yang menyedihkan ada yang mengetahui lebih banyak daripada orang lain. Dan ini mempengaruhi kehidupan Kristian kita. Adakah ada jawapan untuk ini?



## Harapan

Pemazmur bermula dengan sengaja mengalihkan pemikirannya kepada Allah (pada permulaan 42:6). Allah tetap Allah sama ada kita merasakannya ataupun tidak. Dan Dia masih mengawalNya. Lautan kesedihan dan keadaan-keadaan yang telah menimpa orang ini entah bagaimana adalah sebahagian daripada tujuan Allah (42:7). Allah masih berada di sana dan mengasihi, walaupun Dia mungkin buat sementara tidak dapat dijangkau (42:8).

Lebih-lebih lagi, di antara kesedihan dan keputusan ada harapan – iman yang berpandangan ke depan yang meyakinkannya bahawa walaupun dia tidak dapat melihat mengapa perkara demikian terjadi, namun Allah akan datang untuk menyelamatkannya (42:11; 43:5). Kerana itu dia berdoa supaya Tuhan memulihkannya dan kebahagiaannya – kebahagiaan yang datang dari menyembah dan memuji Allah (43:4). Dalam masa yang sama, walaupun dia masih belum mempunyai jawapan untuk persoalannya, dia percaya, seperti yang kita harus lakukan pada setiap masa, walaupun mempunyai perasaan seperti itu, bahawa Allah akan menuntunnya untuk melalui itu. Itulah iman yang nyata.



**Fikirkan dan**  
**Lakukan**

**A**nda mungkin perlu berbicara kepada diri anda sendiri – untuk mengatakan kebenaran ke dalam kehidupan anda sendiri. Ingatkan diri anda tentang siapa Allah, apa yang telah Dia lakukan dan apa yang telah dijanjikan-Nya untuk dilakukan, dan biarkan pemikiran ini mempengaruhi kehidupan anda.

## Menjadi Benar dengan Allah

Teks Bacaan: Mazmur 51

**B**agaimanakah saya dapat berdoa jika saya mempunyai hati nurani yang buruk; jika ada perkara dalam hidup saya yang menyinggung dan menyakitkan hati Allah? Berterima kasihlah kepada Tuhan kerana ada jalan untuk kembali: jalan pengakuan dan patah hati.

### Mengaku dosa saya

Pemazmur menggunakan beberapa gambaran dosa yang berbeza di sini (ayat 1-2). Ia adalah satu pemberontakan; satu kenajisan; sesuatu yang tidak sesuai dengan apa yang sepatutnya. Dia juga sedar bahawa dosa memisahkan kita daripada Allah, dan bahawa tidak ada yang dapat kita lakukan sendiri tentangnya – selain daripada mengakuinya (ayat 3-5). Ini sukar kerana ia menyentuh harga diri kita. Ini bermaksud mengakui bahawa kita salah dan perlu diperbetulkan, dan melakukan itu dengan kesedihan dan kepiluan yang mendalam kerana ia telah berlaku.

### Memohon belas kasihan-Nya

Hakikat bahawa orang berdosa juga boleh berdoa memberitahu kita sesuatu tentang Allah Alkitab. Allah bukan sekadar lepas tangan terhadap kita apabila kita tersesat. Dosa-dosa kita pasti menyakiti-Nya dan walaupun Dia harus menghukumnya kerana hal itu, Dia tetap adalah Allah yang mengasihi apa yang telah dicipta-Nya. Kerana inilah pemazmur membawa dirinya kepada belas kasih Allah (ayat 1). Tidak ada yang boleh dia lakukan yang akan mendapatkan pengampunan. Dan marilah kita mengingati bahawa belas kasihan yang sama ini telah membawa Yesus kepada kayu salib untuk kita.

***“Kerana aku mengakui kesalahanku, dan sentiasa sedar akan dosaku. Kepada-Mu, hanya kepada-Mu, aku berdosa dan melakukan kejahatan di pandangan-Mu, maka Engkau didapati benar dalam kata-kata-Mu, dan penghakiman-Mu tidak bercela.”***

**(Mazmur 51:3-4)**



### Meminta untuk disucikan

Seperti pemazmur, apa yang dapat kita lakukan adalah meminta Allah menghapuskan catatan-Nya (ayat 1-2,7,9). Itulah jalan menuju hati nurani yang jelas, untuk memuji dan menjadi kesaksian yang segar tentang apa yang dapat Allah lakukan (ayat 8,12-15).

Tetapi pemazmur meminta lebih daripada sekadar pengampunan. Dia menginginkan satu sikap yang benar-benar baru yang akan menghalangnya daripada melakukan kesilapan yang sama lagi (ayat 6, 10). Itulah pertaubatan yang sejati, bukan sekadar berpaling daripada dosa anda, tetapi juga memutuskan hubungannya. Dan itulah yang Allah cari daripada seseorang yang ingin menjadi benar dengan-Nya.

**Fikirkan dan  
Lakukan**

**L**uangkan masa untuk berfikir tentang Yesus Kristus yang mati di kayu salib bagi anda, untuk menghapuskan dosa anda. Kembalilah kepada-Nya, akui semua dosa anda, dan bersyukur kepada-Nya atas pengampunan-Nya.

## Apa yang Harus Saya Doakan?

Teks Bacaan: 1 Timotius 2

**A**dalah berguna untuk mempelajari Alkitab bagi melihat apa yang umat Allah doakan pada masa lalu. Ini memberi kita sedikit gambaran tentang apa yang harus diminta dan bagaimana untuk meminta.

### Orang yang memerlukan

Ini termasuk dalam senarai, terutama sekali jika kita mengenali mereka secara peribadi. Kita hanya perlu ingat bahawa Allah mengasihani manusia dan apa yang menyakiti mereka menyakiti-Nya juga. Kerana Yesus datang dan menderita dengan cara yang sama dengan kita, maka kita boleh meyakini bahawa Dia mendengarkan kita dengan penuh belas kasihan (Ibrani 2:17-18; 4:14-16).

Oleh itu kita boleh meminta kepada-Nya tentang orang yang sakit atau dalam kesusahan atau kelaparan atau tidak mempunyai pekerjaan atau tergodanya. Kadang-kadang kita tidak tahu apa yang harus didoakan, tetapi sekadar membawa mereka dan keperluan mereka kepada Yesus juga sudah mencukupi. Dia mengetahui apa yang terbaik bagi mereka.

### Tanah tempat saya tinggal

Kita mungkin adalah ahli kerajaan Kristus sekarang, tetapi kita masih mempunyai hubungan semula jadi yang kuat dengan mereka yang hidup di sekeliling kita. Perhatian kita yang pertama ialah bahawa mereka juga akan mengenali Kristus. Itu harus bermula dengan jiran-jiran kita; ia harus merangkumi para pemimpin dan pemerintah kita.

Tetapi kita harus berdoa dalam istilah-istilah yang lebih umum agar kebaikan dapat berlaku dan kejahatan dapat dikekang. Oleh itu, kita dapat meminta Allah untuk memberi pengaruh-Nya yang penuh rahmat kepada para perangka undang-undang dan pemimpin kita dalam industri, media dan para penulis kita, eksekutif perniagaan dan guru-guru kita (1 Timotius 2:1-2).

### Gereja tempat saya berada

Apabila kita mengenal Kristus, orang Kristian yang lain menjadi keluarga kita. Oleh itu, jelas bahawa mereka adalah orang yang perlu didoakan. Kita

bergabung dengan mereka dalam kesyukuran bagi kebaikan Allah, dan ada kalanya kita bersama-sama dengan orang lain dalam masalah mereka. Sayangnya, gereja apa pun yang kita anggotai meninggalkan banyak perkara yang kita inginkan ketika kita mengukurnya dengan apa yang Allah cari di antara umat-Nya. Kerana itulah kita berdoa, bukan sahaja untuk persekutuan kita sendiri, tetapi bagi seluruh umat Allah, supaya Dia akan menjadikan kita seperti yang seharusnya.

### **Karya Allah di dunia**

Sama seperti Yesus mati bagi manusia dari segala bangsa, demikianlah Allah hadir untuk bekerja di seluruh dunia. Kita perlu berdoa bagi: para pelayan, misionaris dan pekerja Kristian dari pelbagai pelayanan, supaya kita dapat melihat tujuan Allah digenapi dalam generasi kita (Efesus 6:19-20). Kita seharusnya mempunyai tempat yang istimewa dalam doa kita untuk situasi-situasi di mana ia sangat sukar untuk mendengar berita baik – dan untuk orang Kristian yang menderita kerana iman mereka.

### **Dan setelah semua ini ...**

Kita kemudian dapat membawa keperluan peribadi kita kepada Allah! Mungkin tugas itu kelihatan sangat besar sehingga kita tergoda untuk menyerah sebelum kita bermula! Oleh itu mulakan dengan berdoa secara spesifik tentang keperluan-keperluan dan orang yang Allah berikan perhatian khusus kepada anda. Pada akhirnya, hanya Allah yang dapat menanggung beban masalah seluruh dunia.



**P**erhatikan kembali orang yang disebutkan di halaman ini. Siapakah yang anda boleh doakan yang biasanya anda tidak doakan?

## Pujian yang Murni

### Teks Bacaan: Mazmur 103

**A**da kalanya baik untuk kita berhenti meminta daripada Allah, dan mula berterima kasih kepada-Nya kerana siapa Dia dan apa yang Dia telah lakukan. Mazmur ini adalah pujian dari awal hingga akhir. Ia langsung tidak mengandungi permintaan.

#### **Menghitung berkat anda**

Pemazmur bermula dengan menyenaraikan beberapa cara bagaimana Allah telah membantu dan memberkatinya (ayat 1-5). Perhatikan bahawa dia mengingatkan kita untuk bersyukur bagi berkat kebendaan dan fizikal, serta berkat rohani. Semua itu berasal dari Allah. Sayangnya kita sering menganggap remeh perkara-perkara ini sehinggalah kita kehilangannya.

#### **Allah itu baik dan peduli**

Itulah kesimpulan pemazmur. Allah menjaga mereka yang tidak dapat mempertahankan diri mereka sendiri (ayat 6). Dia memimpin umat-Nya dengan tujuan-Nya yang penuh kasih bagi mereka (ayat 7). Dia mengampuni dan memulihkan kita, walaupun kita tersesat (ayat 8-12). Kebesaran kasih-Nya hanya dapat dibandingkan dengan sejauh mana Dia membuang dosa kita daripada kita!

#### **Rasa lemah?**

Allah tidak mengharapkan dari kita lebih daripada apa yang kita mampu berikan. Dia seperti seorang ayah yang mengasihi anak-anaknya (ayat 13). Dia tahu bahawa kita adalah “debu”, sangat lemah dan bersifat sementara (ayat 14-16). Hebatnya, mereka yang percaya kepada-Nya mampu menghadapi masa dan keabadian (ayat 17-18).

***“Pujilah TUHAN, wahai jiwaku; dan segala yang dalamku, pujilah nama-Nya yang suci. Pujilah TUHAN, wahai jiwaku, dan jangan lupakan segala rahmat-Nya -”***

***(Mazmur 102:1-2)***





### **Pujilah Tuhan, hai segenap manusia!**

Pujian tidak seharusnya sekadar urusan peribadi. Semua orang harus tahu dan semua orang harus mengakui kebesaran Allah kita yang berkuasa sepenuhnya. Allah layak dipuji, dimuliakan, disembah dan disyukuri kerana segala yang Dia telah lakukan. *Dia layak menerimanya daripada anda!* (ayat 19-22).



**D**uduk dan fikirkan apa yang Allah telah lakukan untuk anda – bukan hanya jawapan khusus untuk doa, tetapi semua pengaturan-Nya yang baik dan berkuasa dalam hidup anda – biasanya di balik tabir dan tidak kelihatan. Luangkan masa untuk bersyukur kepada Allah untuk semua ini.

## Doa yang Bersungguh-sungguh

### Teks Bacaan: Daniel 9:1-19

**S**ering kali doa kita hanyalah separuh hati. Kadang-kadang memerlukan satu krisis atau keperluan yang mendesak untuk membuat kita benar-benar mencari Allah. Daniel membuat kita merasa malu.

#### **Allah berpegang pada Firman-Nya**

Kebimbangan Daniel timbul dari kajiannya tentang firman Allah (ayat 2), dan dengan cara yang sama pembacaan Alkitab kita sering kali merangsang kita untuk berdoa. Apa yang Allah katakan, Dia akan melakukannya, jika kita bersedia untuk bekerjasama. Dan Daniel telah bersedia (ayat 3-4). Dia benar-benar bermaksud untuk memegang teguh pada Allah melalui firman-Nya. Allah tidak pernah mengabaikan doa yang bersungguh-sungguh seperti ini.

#### **Tiada alasan**

Kebanyakan daripada doa Daniel adalah pengakuan dosa yang terbuka, jujur dan tanpa alasan (ayat 5-11). Dia sangat merasakan kegagalan orangnya sehingga dia mengambil kira dirinya sendiri dalam pengakuan itu. Dia mengakui bahawa dia adalah sama bersalahnya dengan bangsanya walaupun dia tidak pernah terlibat dalam peristiwa yang lalu. Jika kita menginginkan jawapan bagi doa-doa kita, kita perlu ingat bahawa tidak ada perbenaran diri jika ia menyangkut Allah. Dia melihat kita seperti kita sebenarnya.

***“Ya Tuhan, dengarlah! Ya Tuhan, ampunilah! Ya Tuhan, perhatikanlah dan bertindaklah!”***

***(Daniel :19)***

#### **Alasan-alasan sebenar**

Mengapa Allah perlu menjawab doa-doa Daniel – atau doa-doa kita? Perhatikan ayat-ayat yang digunakannya:

- Allah telah memberikan janji-Nya dalam firman-Nya, dan Allah tidak akan melakukan yang bertentangan dengan diri-Nya sendiri (ayat 2).
- Allah sendiri tidak berubah; Dia masih tetap setia dan pengasih (ayat 4).

- Allah telah membebaskan mereka pada masa lalu dan akan melakukannya lagi (ayat 15).
- Allah telah menyerahkan diri-Nya kepada umat-Nya; mereka adalah kepunyaan-Nya (ayat 15-16, 19).
- Allah sangat berbelas kasihan, walaupun mereka tidak layak menerima kasih-Nya (ayat 9, 18).

Dan kita boleh datang kepada Allah dengan keyakinan yang lebih besar daripada Daniel, kerana kita tahu bahawa Yesus telah mati untuk menjadikan segalanya tidak mustahil.



**D**alam petikan ini, kita telah melihat bagaimana Daniel berdoa sesuai dengan kehendak Allah. Allah bertindak bukan hanya kerana Dia telah berjanji tetapi juga kerana umat-Nya berdoa. Berikut adalah tiga janji yang Allah telah tentukan yang kita dengan penuh keyakinan dapat minta daripada-Nya untuk menunaikannya:

- Injil ini *akan* sampai ke hujung dunia (Matius 24:14).
- Firman Allah *akan* memberi kesan kepada mereka yang mendengarnya (Yesaya 55:10-11).
- Tuhan Yesus Kristus *akan* datang kembali dalam kemuliaan dan kuasa yang besar. “Datanglah, ya Tuhan Yesus!” (Wahyu 22:20).

Berdoalah bagi janji-janji ini sekarang.

## Resipi Khas Allah untuk Doa

### Teks Bacaan: Lukas 11:1-13

**D**alam pembacaan Alkitab kita mendapati bahawa berdoa merangkumi lebih daripada sekadar meminta sesuatu dan bahkan lebih daripada mengenai orang. Apabila kita datang kepada Allah ada banyak ramuan lain yang membentuk doa.

#### **Akui kebesaran Allah**

Itulah apa yang kita maksudkan dengan “pujian” atau “penyembahan”. Ia memberikan sesuatu kehormatan kepada Allah yang Dia layak terima kerana siapa Dia (Mazmur 95:1-7). Dialah yang menjadikan kita; yang memastikan dunia tetap berjalan; yang menyediakan keperluan kita. Kuasa-Nya tidak terhad. Kemegahan-Nya benar-benar melampaui kita! Tetapi Dia bukan sahaja hebat, Dia juga kudus. Adil, benar, setia, sejati – Allah yang membangkitkan kekaguman dan kehairanan kita untuk dinyatakan dalam pemujaan, terutama apabila kita memikirkan cara bagaimana Dia menjangkau untuk menyelamatkan kita. Pujilah Dia!

#### **Tunjukkan dan bersyukur**

Daripada hanya membawa serangkaian permintaan yang tidak berkesudahan, berhenti dan berterima kasihlah kepada-Nya bagi apa yang telah Dia lakukan untuk anda – dan apa yang Dia telah berikan kepada anda – yang semuanya adalah baik dan bermanfaat dalam hidup anda. Kita sangat tidak bersyukur sehingga kita memandang ringan banyak rahmat yang telah diberikan-Nya, bahkan merungut apabila keadaan tidak berlaku seperti yang kita inginkan. Datanglah kepada-Nya dengan hati yang bersyukur (Lukas 17:11-19)!

#### **Akui kesalahan anda**

Kita tidak layak untuk tawar-menawar dengan Allah. Kita semua telah melanggar hukum-Nya dan mengikuti jalan kita sendiri, menyatakan kebebasan kita daripada-Nya. Hanya kerana Dia adalah Allah yang berbelas kasihan dan pemurah yang membuat kita berani untuk mendekati-Nya. Kita mengetahui hal ini kerana apa yang Yesus lakukan bagi kita di atas kayu salib. Kerana itulah kita datang “dalam nama Yesus” – iaitu, atas dasar siapakah Dia dan apa yang telah Dia lakukan untuk kita. Bersyukurlah

kepada Allah kerana apabila kita mengakui dosa-dosa kita, Dia telah berjanji untuk mengampuninya demi Yesus (1 Yohanes 1:5-10).

### Meminta untuk orang lain

Apabila anda menyedari keperluan orang lain – kadang-kadang mereka yang dekat dan rapat dengan anda, kadang-kadang yang jauh dari anda – bawalah mereka kepada Allah yang melihat dan mengenal dan mengasihi semua orang (1 Timotius 2:1-6). Kerana Dia adalah Allah, kita boleh meminta bagi orang lain dari tempat lain; kerana Dia hebat kita boleh meminta bagi mereka yang mungkin telah ditindas oleh orang lain. Ketika kita berdoa bagi mereka yang terlibat dalam pekerjaan Allah, ia seolah-olah kita berada di sana, bekerja bersama mereka. Mereka merasakannya ketika kita tidak merasakannya.

### Bawa semua keperluan anda sendiri

Allah berminat terhadap *anda* – bukan hanya dalam krisis atau masalah yang besar, walaupun kita datang kepada-Nya dengan penuh bersedia dan bersemangat pada masa itu – tetapi juga dalam keadaan yang biasa dalam hidup kita. Anda boleh berdoa tentang apa sahaja dan untuk segalanya, mengenai rohani anda, fizikal anda dan keperluan kebendaan anda (Filipi 4:6-7). Dengan cara ini anda mula membiarkan Allah masuk ke dalam setiap aspek kehidupan anda, yang merupakan inti kehidupan orang Kristian.



Fikirkan dan  
Lakukan

**A**pakah tindakan dalam doa yang anda dapati paling mudah bagi anda? Apakah yang paling sukar bagi anda? Katakanlah kepada Allah dengan jujur tentang respons anda

## Bapa yang Bijak dan Penyayang

### Teks Bacaan: Matius 6:5-15

Orang Yahudi pada zaman Yesus berfikir bahawa mereka mengetahui segalanya tentang doa, tetapi Yesus harus memperbetulkan mereka bagi sesetengah perkara sama seperti Dia harus memperbetulkan kita.

#### Antara anda dan Allah

Orang yang dikritik oleh Yesus adalah mereka yang menggunakan agama mereka untuk membuat orang lain memandang tinggi terhadap mereka. Sebaliknya, Dia memberitahu kita bahawa itu adalah masalah peribadi di antara Allah dan diri kita sendiri (ayat 5-6). Sedalam manakah anda benar-benar mengenali Tuhan? Berapa banyak masa yang anda luangkan untuk bersama dengan-Nya bersendirian? Seseorang pernah berkata, “Rahsia agama adalah agama secara rahsia.”

#### Allah tahu

Seperti yang telah kita lihat, berdoa bukanlah memulas tangan Allah. Bahkan bukan tentang menggunakan kata-kata yang tepat, atau menggunakan banyak perkataan. Berdoa bermaksud datang dengan keyakinan kepada Bapa di syurga yang mengasihi kita dan yang telah pun mengetahui apa yang kita perlukan. Tetapi seperti mana-mana bapa di dunia, kedatangan dan permintaan kita – hubungan peribadi kita dengan-Nya – adalah lebih penting bagi-Nya daripada sekadar memenuhi keperluan kita.

#### Satu pola doa

Yesus memberikan kita sebuah contoh bagaimanakah bentuk doa itu sepatutnya. Perhatikan bagaimana ia dibuat:

- Ia bermula dengan mengakui siapakah Allah dan hakikat bahawa kita harus bersedia untuk melakukan apa yang Dia kehendaki (ayat 9-10).
- Ia diteruskan dengan menyenaraikan beberapa permintaan yang sangat asas dan mudah (ayat 11-13). Perhatikan bahawa keperluan fizikal kita adalah sama pentingnya bagi Allah dengan keperluan rohani kita.



### Antara anda dan orang lain

Berdoa mungkin adalah peribadi di antara anda dan Tuhan, tetapi orang lain juga terlibat. Ia adalah peraturan yang asas di mana kita tidak boleh benar dengan Allah jika kita bersalah kepada orang lain. Di sini penekanannya adalah untuk mengampuni orang lain (ayat 14-15). Jika kita memahami apakah maksud mengampuni diri sendiri, maka kita akan bersedia untuk mengampuni mereka yang telah bersalah terhadap kita. Dan apabila kita melakukannya, kita membenarkan diri kita untuk lebih dekat kepada kasih kurnia dan belas kasihan Allah.

**Fikirkan dan**  
**Lakukan**

**A**mbil satu baris dari Doa Bapa Kami dan luangkan beberapa minit untuk berfikir dan berdoa tentangnya. Esok, teruskan ke baris yang seterusnya dan lusa, kepada baris yang selanjutnya sehingga akhir, supaya anda mula menghayati dengan lebih dalam kata-kata Yesus.

## Gambaran-gambaran Doa

Teks Bacaan: Lukas 11 & 18

**Y**esus kadang-kadang menggunakan perumpamaan – gambaran daripada kehidupan sehari-hari – untuk menyampaikan pelajaran yang penting mengenai berdoa.

### Sahabat pada tengah malam

Di sini Yesus memberitahu kita bahawa, jika kita benar-benar menginginkan jawapan dari Allah, kita mesti bertanya dan terus meminta. Kadang-kadang ia mengambil waktu sebelum kita melihat jawapan kepada doa kita. Kita tergoda untuk menyerah dan berputus asa, dan mengatakan bahawa Allah langsung tidak menjawab doa.

Tetapi mungkin ada alasan lain yang lebih mendalam bagi kelewatan itu yang kita tidak dapat fahami. Sementara itu, kita harus terus berdoa. Lagipun, apa yang diinginkan-Nya hanyalah untuk memberikan yang terbaik kepada kita. Sejauh manakah kita menginginkannya?

### Hakim yang tidak adil

Ini adalah salah satu kisah yang sangat bertentangan dengan cara Allah berurusan dengan kita. Allah itu bukanlah tidak adil. Jadi jika lelaki yang tidak bertanggungjawab ini akhirnya mengalah kepada balu miskin yang tidak mempunyai apa-apa pengaruh dengannya, apa lagi Bapa kita yang di syurga akan mendengar dan menjawab doa-doa kita? Oleh itu jangan berputus asa; teruskan!

***“Kemudian Yesus menceritakan ibarat ini untuk mengajar mereka bahawa mereka harus sentiasa berdoa dan tidak putus asa.”***

***(Lukas 18:1)***





### Orang Farisi dan pemungut cukai

Dua orang berdoa; satu didengari manakala doa yang seorang lagi hanya pergi sejauh siling. Mengapa? Orang ramai yang mendengarkan Yesus pasti menjangkakan doa orang Farisi itu didengari. Lagipun, dia melakukan segala yang dikatakannya, manakala pemungut cukai itu, dia hanyalah orang buangan pada zaman itu! Tetapi Yesus menyebutkan kesalahan besar dalam usaha lelaki yang alim itu. Segalanya datang dari dirinya sendiri. Dia telah melakukannya dan dia berbangga dengannya.

Tetapi berita baiknya ialah tentang Allah yang bertindak bagi orang yang berdosa, bermula dengan mengampuni dosa-dosa mereka. Kerana itulah pemungut cukai mengetahui kedamaian dengan Allah, dan mengapa orang Farisi hanya pulang dengan harga dirinya sendiri. Allah mendengarkan kita apabila kita menyedari bahawa kita adalah orang yang muflis rohani seperti yang Alkitab katakan mengenai kita.

**Fikirkan dan  
Lakukan**

**K**isah yang manakah yang secara spesifik anda akan ambil perhatian dan bertindak?